

USIM anjur Malam Apresiasi Seni Alumni

SEREMBAN 2 Julai - Bagi menghargai sumbangan Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) telah menganjurkan Malam Apresiasi Seni di Bangi Golf Resort Selangor, Sabtu lalu.

Majlis yang diadakan bertujuan meraikan dan menghargai ahli alumni USIM di atas sumbangan dan komitmen mereka yang telah banyak membantu menjayakan program persembahan dan menyokong aktiviti seni budaya USIM semasa bergelar mahasiswa dan mahasiswi universiti berkenaan.

Timbalan Naib Canselor (Aka-

demik dan Antarabangsa), Prof. Datuk Dr. Musa Ahmad memberitahu, program itu sebagai satu pengiktirafan kepada penglibatan serta sokongan daripada semua pihak dalaman dan luaran termasuklah sumbang saran serta kepakaran individu secara langsung atau tidak langsung.

"Program seperti ini mempunyai pengisian yang baik kerana pengalaman daripada ahli alumni dapat dikongsi bersama dalam pelbagai aspek kesenian seperti debat, tarian, khat, sains dan lain-lain yang mampu memberi impak positif kepada universiti," katanya

ketika berucap pada majlis berkenaan.

Jelasnya, majlis tersebut juga merupakan malam kemuncak yang menghimpunkan semua Urus Setia Kesenian Pelajar, alumni, tenaga pelajar, karyawan dan aktivis seni serta rakan strategik organisasi media yang pernah terlibat secara aktif dalam program kebudayaan sebelum ini.

Majlis yang dihadiri hampir 150 orang jemputan diserikan dengan pelbagai persembahan kebudayaan daripada alumni USIM, karyawan dan aktivis seni seperti Siso, Nash dan Roy.



SEBAHAGIAN daripada ahli Alumni Universiti Sains Islam Malaysia yang menjayakan Malam Apresiasi Seni di Bangi, Selangor, baru-baru ini.